

Aktiviti 4

(a) Lengkapkan kata berimbuhan akhiran yang betul.



baiki

sorakan

hiasi

tugasan

binaan

warnakan

Penduduk Taman Sentosa akan membina replika bunga raya sebagai identiti Taman Sentosa. Mereka sedang berbincang tentang bentuk _____ yang hendak dibuat.

Mereka mengambil keputusan untuk membina replika bunga raya. Penduduk Taman Sentosa memulakan _____. Semua kaum menyertai aktiviti pembinaan replika ini.

“_____ kelopak bunga raya dengan warna merah dan daunnya warna hijau muda. Di bahagian tepi kelopak bunga, kita _____nya dengan lampu kecil supaya kelihatan cantik pada waktu malam. _____ kedudukan papan tanda supaya lebih cantik,” kata Encik Taufik sebagai ketua kumpulan pembinaan replika ini.

Akhirnya, replika bunga raya telah siap. Sebagai tanda kerjasama, mereka memberikan _____ perpaduan. Encik Taufik mengucapkan terima kasih kepada semua penduduk Taman Sentosa.